

PBD Sejarah T.3 Bab 8.2 Tindakan Raja Melayu Dalam Menangani Cabaran British

Nama :

Kelas :

Tarikh :

Pilih jawapan yang sesuai.

A. Kewibawaan raja dan pembesar Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu diketepikan oleh British menyebabkan _____ Negeri-negeri Melayu Utara berasa terancam . Mereka berusaha mempertahankan hak dan identiti negeri dengan cara _____ _____ Penasihat British yang dilantik selepas Perjanjian Bangkok 1909 Contoh : Di Terengganu , Sultan Zainal Abidin III enggan menerima Penasihat British dan hanya menerima pelantikan _____ _____ British yang tidak mempunyai kuasa pentadbiran negeri pada tahun 1910.	B. Untuk menyekat campur tangan British, raja-raja Melayu menerajui pembaharuan dan _____ negeri . Contohnya : " Bapa Pemodenan Johor", iaitu Sultan Abu Bakar dengan kerjasama Majlis Jemaah Negeri meneruskan pemodenan pentadbiran yang dipelopori oleh Temenggung Daeng Ibrahim . Dengan kerjasama pembesar yang berwibawa, pelbagai _____ ditubuhkan untuk mengurus pembangunan negeri.	C. Melalui Durbar , raja-raja Melayu berperanan sebagai _____ , menzahirkan suara melindungi kepentingan bangsa . Contohnya : Di Durbar yang diadakan di Pekan, Pahang(1932), Sultan Iskandar Shah mendesak agar kuasa _____ dikembalikan kepada Raja-raja Melayu dan Majlis Negeri dalam semua aspek pemerintahan negeri.	D. Raja-raja Melayu mengambil inisiatif menjadikan pemerintahan negeri lebih bersifat kerajaan _____ . _____ untuk memperkukuhkan kuasa pemerintahan negeri dan menghalang kemaraan British. Contohnya : _____ yang diperkenalkan pada 14 April 1895 telah menjadikan Johor sebagai negeri Melayu pertama yang mengamalkan raja berperlembagaan dan berunsur demokrasi Kepentingan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor : * asas untuk _____ kuasa British * mempertahankan _____ negeri * menggantikan pemerintahan mutlak dengan kerajaan _____	E. Kesungguhan raja-raja Melayu dalam menghadapi cabaran peluasan kuasa British terbukti dengan kebijaksanaan _____ , _____ ketinggian peribadi dan semangat patriotik seperti yang dipamerkan oleh Kesultanan Terengganu. Contohnya : Selepas Perjanjian Bangkok 1909, Sultan Zainal Abidin III berangkat ke Singapura untuk _____ dengan Gabenor Negeri-negeri Selat. Tindakan ini menunjukkan kebijaksanaan baginda dalam rundingan Hasilnya membawa kepada Perjanjian Tahun 1910 yang meminda Perjanjian Bangkok 1909. Baginda hanya setuju menandatangani perjanjian apabila British mengakui Terengganu negeri yang _____ . Hanya wakil British yang tidak berkuasa pentadbiran diterima oleh baginda.
---	--	--	--	---

--	--	--	--	--